

# **AMANAT DAN PENGARUH BAHASA DALAM PEMERINTAHAN POLITIK ISLAM**

NOR SUHAIDA ISMAIL\*

MOHD FIRDAUS CHE YAACOB\*\*

NIK FAZRUL AZRI NIK AZIS\*\*\*

SALMAH JAN NOOR MUHAMMAD\*\*\*\*

yaabulat@yahoo.com\*

## **Abstrak**

Artikel ini mengajukan perbincangan tentang amanat dan pengaruh bahasa dalam pemerintahan tradisi Kesultanan Melayu. Amanat dan pengaruh bahasa yang dibincangkan meliputi pesanan dan nasihat yang berlatarkan prinsip asas dalam pemerintahan Islam. Amanat dan pengaruh bahasa merupakan maklumat penting yang disampaikan oleh pengarang naskhah Melayu sebagai nasihat kepada pewaris raja tentang akhlak dan moral dalam membentuk tradisi pemerintahan politik Islam-Melayu. Oleh itu, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu menganalisis teks sebagai batas dalam perbincangan. Teks yang dianalisis ialah naskhah Sejarah Melayu (Sulalat al-Salatin) yang diselenggarakan oleh A. Samad Ahmad, terbitan tahun 1979. Kajian ini juga telah mengaplikasikan Teori Politik Islam yang diusahakan oleh Yahaya Jusoh (2014) sebagai perbincangan tentang amanat politik Melayu tradisi yang dipengaruhi oleh pemerintahan Islam. Hasil analisis mendapati amanat dan pengaruh bahasa yang dicatatkan dalam naskhah Sejarah Melayu mempunyai sebahagian persamaan dengan prinsip asas dalam pemerintahan Islam. Prinsip asas berlandaskan ajaran Islam seperti ketaatan, keadilan, muafakat, hal ehwal masyarakat, amanah dan melaksanakan kebaikan yang didapati dalam naskhah Sejarah Melayu ini telah mempengaruhi amanat raja-raja Melayu mengenai pemerintahan. Justeru, kajian ini berperanan untuk membentuk identiti kesinambungan identiti tradisi Kesultanan Melayu dengan tradisi pemerintahan Islam yang dicatat oleh pengarang Sejarah Melayu melalui amanat dan pengaruh bahasa daripada seorang raja kepada pewarisnya.

**Kata Kunci:** Amanat; Politik; Sejarah Melayu; Pemerintahan Islam

---

\*

\*\* Pensyarah Kanan, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan

\*\*\*

\*\*\*\*



# **THE MANDATE AND THE LANGUAGE INFLUENCES IN GOVERNANCE POLITICAL OF ISLAM**

NOR SUHAIDA ISMAIL

MOHD FIRDAUS CHE YAACOB

NIK FAZRUL AZRI NIK AZIS

SALMAH JAN NOOR MUHAMMAD

*yaabulat@yahoo.com\**

## **Abstract**

This article proposes the discussion about the mandate and the language influences in traditional governance of Malay Sultanate. The mandate and the language influences discussed include messages and advices about the basic principles of governance of Islam. The mandate and the language influences are important information delivered by the author of Malay's manuscript as the advice to the king's heirs about ethics and morality in shaping the traditional Islamic-Malay political governance. Therefore, this study used qualitative method; text analysing as the limitation of the discussion. The text analysed is manuscript of Sejarah Melayu (Sulalat al-Salatin) managed by A.Samad Ahmad, issued in 1979. This study is applying the Theory of Political of Islam cultivated by Yahaya Jusoh (2014) in discussing the Malay political advices which have been influenced by governance of Islam. As a result, the study shows there are some similarity between the mandate and the language influences recorded in manuscript of Sejarah Melayu and basic principles of governance of Islam. The basic principle of Islamic teaching such as loyalty, justice, consensus, community matters, trust and implementing good found in manuscript of Sejarah Melayu influenced the mandate of Malay's King about governance. Hence, this study works as shaping the continuity of identity of Malay Sultanate Tradition and governance of Islam tradition recorded by the author of Sejarah Melayu manuscript by using the mandate and the language influences from a King to his heirs.

**Keywords:** The Mandate; Political; Sejarah Melayu; Governance of Islam.

---

\*

\*\* Pensyarah Kanan, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan

\*\*\*

\*\*\*\*



## **1.0 Pengenalan**

Pemerintahan ialah satu gagasan dalam membentuk pemikiran masyarakat di Alam Melayu. Penyusunan tentang sejarah politik, pemerintah, raja dan sultan antara topik sejarah yang terpenting. Ini kerana konsep pemerintahan berkait rapat dengan sistem kebudayaan masyarakat Melayu dalam meneliti sejarah dan perkembangannya di Alam Melayu. Sejarah masyarakat Melayu mempunyai persepsi tersendiri dalam mewujudkan bentuk dan sistem dalam tradisi pemerintahan. Pemerintahan ialah cabang keilmuan dalam pengurusan dan pentadbiran negara. Menurut Haron Daud (1989), pemerintahan ialah sebuah masyarakat atau organisasi yang berkuasa dalam sesebuah negara terutama dalam hal-ehwal berkaitan pengurusan dan pentadbiran. Oleh sebab itu, istilah pemerintahan melalui bahasa politik didefinisikan sebagai kekuasaan yang dapat mengatur urusan negara, bentuk dan sistem pentadbiran (Yazid Haji Maarof & Mohammad Kamil Ab. Majid, 2015). Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk membincangkan tentang unsur amanat dan pengaruh bahasa politik yang terdapat dalam naskhah Sejarah Melayu atau Sulalatus al-Salatin melalui sudut pemerintahan Islam.

## **2.0 Penyataan Masalah**

Proses Islamisasi di Alam Melayu merancakkan lagi kedudukan bentuk sejarah sistem pemerintahan dalam tradisi Kesultanan Melayu. Keberanian dan kebijaksanaan para mubaligh dan ahli ulama, terutama daripada pedagang telah menghidupkan lagi penyebaran Islam di peringkat istana dan institusi raja-raja Melayu. Kedatangan Islam ke Alam Melayu telah melintasi kebudayaan Hindu-Buddha dan Animisme yang selama ini sudah bertapak beradab lamanya dalam pemerintahan masyarakat Melayu (Bharuddin Che Pa, 2012). Dengan membawa konsep damai, persamaan dan keadilan, kedatangan Islam mudah diresapi oleh masyarakat setempat dan penerimaannya di peringkat istana atau keraton. Sesuai dalam konteks kedatangan Islam di Alam Melayu, sebagai citra agama, a way of life, sistem hidup dan “al-Din” yang dapat diterjemahkan dan diilhamkan dalam kebudayaan masyarakat Melayu (Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali, 2014).

Seterusnya, bagi memperkuuhkan penyataan tersebut, naskhah historiografi Melayu dapat dijadikan sebagai sumber rujukan untuk meneliti politik dan pemerintahan tradisi. Naskhah seperti ini turut digunakan sebagai sebahagian daripada rujukan dalam hal-hal yang berhubung dengan sejarah dan tradisi politik kesultanan Melayu. Hal ini kerana naskhah seperti ini masih lagi relevan dalam membicarakan persoalan politik pemerintahan Melayu walaupun naskhah bacaan ini sudah berusia ratusan tahun lamanya (Jelani Harun, 2016: 10). Selain itu, politik Melayu telah menerima pelbagai budaya antaranya kepercayaan Animisme, Hindu-Buddha, Islam dan Barat. Namun, politik pemerintahan Melayu sampai ke puncak kegemilangan pada waktu kedatangan Islam di Alam Melayu.



Kedatangan Islam ini telah membentuk dan mencorakkan sistem pemerintah Melayu yang jelas digambarkan dalam naskhah Melayu. Antara bentuk dan konsep terpenting dalam meneliti naskhah politik tradisi Melayu ini ialah melalui amanat dan pengaruh bahasa politik yang disampaikan oleh raja kepada pengantinya. Dalam teks historiografi Melayu, bahasa memainkan peranan penting untuk menggambarkan pemikiran budaya dan agama yang diamalkan sesuatu bangsa. Hal ini jelas dinyatakan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (1972: 23) yang menegaskan bahawa:

“Ciri-ciri Islam sesuatu bangsa perlu dicari bukan melalui perkara yang zahir atau mudah nampak oleh kepala, akan tetapi lebih pada perkara-perkara yang terselip tersembunyi dari pandangan biasa, seperti pemikiran sesuatu bangsa yang biasa terkandung dalam bahasa”

Kenyataan Syed Muhammad Naquib al-Attas ini, jelas menggambarkan ciri-ciri Islam itu ada pada khazanah bahasa yang diwarisi. Kerangka pemikiran Melayu Islam ini, telah diilhamkan dan dijelmakan melalui bahasa dalam karya-karya yang bernilai tinggi dan berjaya meninggalkan kesan pemikiran, budaya dan seni dalam tamadun bangsa Melayu (Zarina Muhammad, 2015: 181). Lantaran itu, naskhah historiografi Melayu adalah sebuah naskhah tradisi yang menggambarkan pemikiran dan kehebatan sesuatu bangsa melalui cerminan bahasa untuk membentuk dan memantulkan jati diri masyarakat Melayu tradisi (Noriah Mohamed, 2011).

Menurut Jelani Harun (2016: 10) pula, menyatakan unsur amanat ini diperkuatkan oleh pengarang naskhah Melayu sebagai satu bentuk nasihat kepada pewaris kerajaan tentang pembinaan akhlak dan moral kepada pemerintah. Dalam erti politik Melayu, konsep raja ini mempunyai hubungan erat dengan ciri-ciri pemerintahan negara dan pemimpinan seorang raja. Tatiana Denisova (2015: 149) telah mengukuhkan pendapat ini dengan menyatakan bahawa tentang maklumat mengenai konsep seorang raja dan kerajaan ini telah disampaikan dalam bentuk amanat dan nasihat yang diberi oleh sultan yang tua kepada para pewarisnya. Berdasarkan beberapa pernyataan tersebut, menjadi titik-tolak kepada pengkaji untuk meneliti sejauh mana unsur amanat dan bahasa mempengaruhi politik Islam dalam pemerintahan Melayu yang digambarkan melalui naskhah Sejarah Melayu atau Sulalatus al-Salatin yang menjadi karya master piece dan karya agung kepada masyarakat Melayu (Haron Daud, 1989: 1).

### 3.0 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti unsur amanat dan pengaruh bahasa politik yang terdapat dalam naskhah Sejarah Melayu atau Sulalatus al-Salatin melalui sudut pemerintahan Islam. Seterusnya, menghuraikan unsur amanat dan pengaruh bahasa politik yang terdapat dalam naskhah Sejarah Melayu atau Sulalatus al-Salatin melalui sudut pemerintahan Islam.



## 4.0 Metodologi

Kaedah analisis kandungan teks digunakan untuk mengenal pasti amanat dan pengaruh bahasa yang disampaikan dalam naskhah Sejarah Melayu yang mempunyai nasihat kepada bakal pewaris takhta berdasarkan penceritaan dan peristiwa yang disampaikan oleh pengarang. Pengkaji menggunakan kaedah ini bertujuan untuk memperoleh data kajian tentang amanat dan pengaruh bahasa politik Islam yang tercatat dalam naskhah Sejarah Melayu. Oleh itu, kajian ini menumpukan kepada dua objektif utama iaitu mengenal pasti dan menghuraikan unsur amanat dan pengaruh bahasa politik yang terdapat dalam naskhah Sejarah Melayu atau Sulalatus al-Salatin melalui sudut pemerintahan Islam. Amanat dan pengaruh bahasa politik Islam yang ditekankan dalam kajianini ialahberdasarkan penceritaan dan peristiwa peninggalan amanat dan nasihat seorang raja kepada pewaris takhtanya. Menurut Auni Haji Abdullah (1991: 14), terdapat banyak tanggapan bahawa amalan sistem pemerintahan Islam tidak pernah berlaku dalam sejarah Alam Melayu. Walau bagaimana pun, kedatangan Islam telah mengubahkan struktur pemikiran, budaya dan ekologi dalam sejarah pemerintah masyarakat Melayu yang seharusnya dinilai dengan penelitian yang mendalam terhadap sejarah tradisi yang ditinggalkan.

Berdasarkan pandangan di atas, kajian berkenaan pemerintahan Islam dalam sejarah masyarakat Melayu perlu dilakukan. Amanat dan pengaruh bahasa politik merupakan unsur penting yang perlu diteliti sebagai worldview untuk membentuk pemerintahan Islam-Melayu dalam masyarakat Melayu (Jelani Harun, 2016: 10). Naskhah Sejarah Melayu dipilih adalah berdasarkan kekuatan teks tersebut sebagai sumber sejarah dan fakta untuk memperoleh maklumat worldview masyarakat Melayu. Naskhah Sejarah Melayu merupakan sumber sejarah yang penting untuk meneliti perkembangan sejarah di Malaysia pada tahun 1400-1511 terutama mengenai sejarah masyarakat Empayar Melaka (Sanusi Samid, 1986: 68). Oleh itu, naskhah Sejarah Melayu dipilih untuk meneliti amanat dan pengaruh bahasa politik Islam yang telah dilaksanakan oleh kerajaan Melayu kerana karya ini jelas dapat menjelaskan dan membuktikan model serta bentuk pemikiran tradisi pemerintahan Kesultanan Melayu.

Sejarah Melayuialah sebuah naskhah historiografi Melayu menyebabkan ia paling menjadi tumpuan dari kalangan sarjana (Haron Daud, 1989: 1). Naskhah ini ialah sebuah hikayat menceritakan kerajaan Melaka adalah sebuah kerajaan yang paling lengkap institusinya dalam pemerintahan yang dimiliki oleh kerajaan Melayu. Naskhah Sejarah Melayu telah memberi gambaran yang jelas tentang kehidupan masyarakat Melayu di Melaka pada abad ke-15 (Liaw Yock Fang, 1978: 214 & De Jong, 1986: 61). Bahkan, naskhah ini paling jelas menceritakan keabsahan kedudukan Islam di Alam Melayu. Kerana, pengarang Tun Sri Lanang telah menggunakan pendekatan Islam sebagai



mengarang keabsahan raja-raja Melayu-Islam sebagai membentuk pemerintahan tradisi kerajaan Melaka (Hassan Ahmad, 2005: 22).

Kajian ini menggunakan naskhah Sejarah Melayuversi yang diusahakan oleh A. Samad Ahmad pada tahun 1979, diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Objektif kajian ini dijalankan telah berpandukan kerangka Teori Politik Islam yang diusahakan oleh Yahaya Jusoh (2014) untuk membuktikan politik pemerintahan Islam memainkan peranan penting dalam mempengaruhi dan membentuk sistem politik pemerintahan masyarakat Melayu melalui catatan amanat dan pengaruh bahasa dalam naskhah yang dibincangkan. Prinsip yang ditekankan adalah prinsip-prinsip asas dalam pemerintahan Islam seperti bersumberkan al-Quran dan Hadis, berteraskan kehidupan Islam, amanah, keadilan, ketaatan, syura (mesyuarat), kebaikan rakyat, kebebasan, menegakkan kebaikan dan mencegah kemungkar; dan persamaan. Di samping itu, pengkaji turut mengambil pandangan sarjana lain yang berkaitan untuk mengukuh dan menyokong prinsip-prinsip asas pemerintahan Islam dalam kajian ini. Prinsip-prinsip yang dikemukakan, perlu melalui kaedah semantik iaitu pengertian setiap prinsip politik dari segi etimologi dan terminologi (Yahaya Jusoh, 2014:12). Melalui pengertian ini, setiap perbincangan amanat dan pengaruh bahasa politik Islam dapat dikaitkan secara jelas dengan pemerintahan masyarakat Melayu yang diamalkan oleh institusi raja-raja tradisi di Alam Melayu.

## 5.0 Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Amanat dan pengaruh bahasa politik Islam dalam naskhah Sejarah Melayu merupakan mesej atau nasihat abstrak yang ingin disampaikan kepada generasi pemerintah khususnya kepada masyarakat Melayu. Terdapat beberapa amanat dan pengaruh bahasa politik yang disampaikan oleh pengarang melalui peninggalan wasiat seorang raja atau pemimpin kepada pewaris generasi kerajaannya. Menurut Jelani Harun (2016: 10) terdapat sembilan peristiwa amanat yang diceritakan dalam Sulalatus Salatin (A. Samad Ahmad, 1979: 56, 62, 136, 160, 174, 178, 272, 290 dan 291). Namun hasil penelitian, hanya terdapat tujuh sahaja yang merangkumi penekanan amanat dalam bentuk pemerintahan raja atau pewaris takhta kerajaan. Penekanannya adalah kepada beberapa prinsip yang terdapat dalam politik Islam yang disesuaikan dalam amanat dan pengaruh bahasa pemerintahan politik Melayu. Oleh itu, Teori Politik Islam (Yahaya Jusoh, 2014) telah diaplikasikan dalam kajian ini untuk memperoleh data yang tepat tentang politik Islam yang telah mempengaruhi pemerintahan Kesultanan Melayu. Antara prinsip yang dibincangkan ialah ketaatan, keadilan, syura, menjaga hal-ehwal rakyat, amanah, imbanginan nafsu (kehidupan Islam); dan menegakkan kebaikan dan mencegah kemungkar. Peristiwa ini dapat dilihat seperti (Jadual 1):



**Jadual 1:** Peristiwa amanat politik Melayu dalam naskhah Sejarah Melayu (A. Samad Ahmad, 1979).

Amanat	Peristiwa Dalam Teks	Halaman
Amanat 1	Amanat Sultan Maliku's Salleh kepada Sidi Ali Ghiathu'd-Din dan Sidi Asma Yaumi'd-Din tentang pertuanan kedua anakanda baginda iaitu Sultan Maliku'l-Mansur (Semundra) dan Sultan Maliku't-Tahir (Pasai).	56
	Amanat Sultan Maliku't-Tahir kepada anakandanya, Sultan Ahmad.	
Amanat 2		62
Amanat 3	Amanat Sultan Mansur Syah kepada anakandanya, Raja Ahmad/ Raja Hussain (Sultan Alau'd-Din Riayat Syah I).	160
Amanat 4	Amanat Sultan Alau'd-Din Riayat Syah kepada puteranya, Raja Mamad dengan memakai gelaran Sultan Mahmud Syah ketika menaiki takhta kerajaan Melaka.	174
Amanat 5	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Amanat Bendahara Paduka Raja Tun Perak kepada anak cucu dan para pengikutnya.</li> <li>2. Amanat Bendahara Paduka Raja Tun Perak kepada Sultan Mahmud Syah iaitu Raja yang sedang memerintah Melaka pada waktu itu.</li> </ol>	178
Amanat 6	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Amanat Sultan Mahmud Syah kepada Bendahara dan para pembesar tentang pengganti baginda.</li> <li>2. Amanat Sultan Mahmud Syah kepada anak-anaknya iaitu pewaris baginda.</li> </ol>	271
		272

### 5.1 Amanat Ketaatan Kepada Allah, Rasul dan Raja

Ketaatan merupakan satu nilai yang paling dimuliakan dan sangat dipuji dalam agama Islam. Dalam sistem politik Islam, ketaatan bukan sahaja kepada pemerintahan tetapi juga perlu taat kepada Allah dan Rasul. Ini kekuatan sumber politik Islam iaitu bersandarkan kitab al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW sebagai pembuat hukum dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Zulkifli Haji Mohd Yusoff (2011: 48) menyatakan taat dalam al-Quran disebut Ta'ah yang bermaksud ketaatan, muafakat dan patuh serta tidak berlaku kecuali melalui sesuatu yang diperintah. Secara lazim, taat dalam bahasa Melayu bermakna sentiasa menurut perintah sama ada kepada Allah, patuh, kuat beribadat dan beramal soleh. Taat juga diistilahkan tawa'abermaksud



menemani dan patuh. Dalam istilah politik Islam, tawa'aini diertikan taat dan patuh kepada pemerintah, pemimpin atau ketua (Yahaya Jusoh, 2014: 125). Maksud taat ini, jelas menunjukkan masyarakat Islam perlu patuh, taat dan menemani pemimpin mereka selagi pemimpin itu tidak bercanggah dengan al-Quran dan Hadis semasa dalam pemerintahannya. Justeru itu, ketaatan dijadikan satu prinsip terpenting dalam politik Islam kerana dengan ketaatan ini manusia akan terjamin kehidupan di dunia dan akhirat berlandaskan syariat Islam.

Prinsip taat turut digambarkan dalam pemerintahan kesultanan Melayu sebagai nilai yang perlu ada kepada masyarakat Melayu diperingkat individu ataupun bernegara. Ketaatan penting untuk diterjemahkan kerana setiap individu Muslim perlu mempunyai ikatan yang erat dengan hubungan dengan Allah, Rasul dan Pemimpin. Nyatakan ketaatan itu memerlukan satu perjanjian dan ikatan dalam memahami prinsip tersebut. Kesan pentingnya ketaatan ini, pengarang Tun Sri Lanang telah mengilhamkan dalam Sejarah Melayu melalui amanat seorang raja kepada pewaris kerajaan Melaka yang dapat diamati dalam Jadual 2:

**Jadual 2:** Amanat Ketaatan kepada Allah, Rasul dan Raja Politik Melayu dalam naskah Sejarah Melayu (A. Samad Ahmad, 1979).

Amanat	Petikan Teks	Halaman
Amanat 2	...jangan engkau peringankan ibadatmu akan Allah subha nahu wa taala...	62
Amanat 4	...Dan jika kamu datang kepada dua pekerjaan, suatu pekerjaan Allah, dan suatu pekerjaan dunia, maka dahulukan olehmu pekerjaan Allah daripada pekerjaan dunia. Hendaklah engkau sangat-sangat menyerahkan dirimu kepada hadrat Allah Taala yang akan memelihara kamu, kerana wa man yatawakkal 'ala'llah...	174



- 
- Amanat 5     ...maka Bendahara Paduka Raja pun berwasiatlah pada segala anak cucunya itu, katanya, "Hei segala anak cucuku, jangan kamu tukarkan agamamu dengan dunia yang tiada kekal adanya ini; yang hidup itu sahaja akan mati juga kesudahannya. Hendaklah kamu semua tuliskan kepada hatimu pada berbuat kebaktian kepada Allah Taala dan Rasul Allah salla 'llahu 'alaihi wa salam; dan jangan kamu sekaliannya melupai daripada berbuat kebaktian; kerana pada segala hukum, bahawa raja-raja yang adil itu dengan nabi salla 'llahu 'alaihi wa salam, umpama dua buah permata sebentuk cincin; lagi pula raja itu umpama ganti Allah dalam dunia, kerana ia zillu'llah fil'alam. Apabila berbuat kebaktian kepada raja, serasa berbuat kebaktian akan nabi Allah; apabila berbuat kebaktian kepada nabi Allah, serasa berbuat kebaktian kepada Allah Taala. Firman Allah Taala: ati'ula-laha wa'ati'ur Rasula wa ulil amri minhum yakni berbuat kebaktianlah kamu akan Allah, dan akan rasulNya, dan akan raja, inilah wasiatku kepada kamu semua. Hendaklah jangan kamu sekalian lupai, supaya kebesaran dunia akhirat kamu semua peroleh."
- Amanat 6     Maka titah baginda pada Bendahara dan segala orang besar-besar itu, "Adapun barang tahu Bendahara dan segala orang kaya-kaya, bahawa dunia ini akan lepaslah daripada genggaman kita, melainkan semata-mata akhirat kita hadapi. Adapun akan anakku, Sultan Muda ini, dahulu Allah Subha nahu wa taala kemudian Rasul Allah, setelah itu pada Bendahara dan orang kaya-kaya sekalian pertaruh kita, daripada memelihara dan mengajar, menegur dia; kerana ia budak penuh dengan khilaf dan bebalnya, lagi ia piatu; telah yakinlah kita akan pelihara Bendahara dan orang kaya-kaya sekalian akan dia."

Berdasarkan enam amanat peristiwa ketaatan pemerintahan di atas, pujangga Tun Sri Lanang memandang penting nilai ketaatan ini dalam penulisan Sejarah Melayu supaya menjadi sandaran kepada raja dan sultan di Alam Melayu terutama di Melaka bagi melahirkan individu dan pemimpin sentiasa mentaati Allah dan Rasul. Keenam amanat tersebut telah memperakukan agama Islam di Alam Melayu khususnya Kesultanan Melaka kerana setiap amanat dikemukakan menyatakan Allah dan Nabi SAW perlu didahulukan daripada pemimpinnya. Misalnya, Amanat 5, pengarang Sejarah Melayu memetik ayat al-Quran ati'ula-laha wa'ati'ur Rasula wa ulil amri minhum iaitu perlu berbuat kebaktian (taat) kepada Allah dan Nabi SAW serta pemimpin. Ayat ini difirmankan oleh Allah dalam surah al-Nisa':

179

271



٥٩ ... مَكْنِمٍ رِّمَّلَةً يَلْوُأُ لَوْسُرَلَةً أُوغُي طَأَوْ كَلَلَةً أُوغُي طَأَوْ كَلَلَةً أَوْ نَيْذَلَةً أَهِيْأَيْ

Terjemahan: Wahai orang-orang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Ulil-Amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu.(Surah al-Nisa', 4: 59).

Menurut Nurcholish Madjid (2012: 1542), ayat ini bermaksud umat Islam perlu memberi ketaatan kepada Allah dan Rasul-Nya iaitu ati'ullah (taatilah Allah) dan wa ati'ur rasul (taatilah Rasul). Namun, menurut Yahaya Jusoh (2014: 126), ayat wa uli amri minkum (pemimpin dalam kalangan kamu) dalam konteks ayat di atas berbeza kerana ayat ini tidak diulang tetapi disebut wa (dan) yang bermaksud ketaatan kepada seorang pemimpin perlu bersyarat (muaqayyad) iaitu pemimpin yang taat kepada perintah Allah dan rasul-Nya. Manifestasi ini sama dalam Amanat 2, 4 dan 6 yang dicatatkan oleh pengarang Tun Sri Lanang dalam Sejarah Melayu, iaitu menerangkan amanat kepatuhan kepada Allah yang telah mengatur hidup di dunia dan akhirat, kemudian taat kepada Rasul yang membawa pengaturan itu, dan taat pula kepada Ulil Amri(pemimpin) yang mengatur masyarakat (Hamka, 2007: 93).

Dalam Amanat 5 juga, terdapat amanat yang mempunyai persamaan dengan sebuah hadis Rasulullah SAW yang diadaptasikan oleh pengarang dalam Sejarah Melayu:

Apabila berbuat kebaktian kepada raja, serasa berbuat kebaktian akan nabi Allah; apabila berbuat kebaktian kepada nabi Allah, serasa berbuat kebaktian kepada Allah Taala (A. Samad Ahmad, 1979: 179).

Rasulullah SAW bersabda (al-Bukhari, 1994; Muslim, 2001; Yahaya Jusoh & Kamarul Azmi Jasmi, 2006):

“Barangsiapa yang mentaatiku, maka sesungguhnya dia mentaati Allah SWT. Dan barangsiapa yang membantahku, maka sesungguhnya dia membantah Allah SWT. Barangsiapa mentaati pemimpinku (pemimpin di kalangan umatku), maka sesungguhnya dia mentaatiku, dan barangsiapa membantah pemimpinku (pemimpin di kalangan umatku) maka sesungguhnya telah membantahku.” (al-Bukhari dan Muslim).

Petikan amanat di atas disampaikan oleh Bendahara Paduka Raja Tun Perak kepada anak cucu dan para pengikutnya yang terkenal kewibawaannya sebagai bendahara yang bijaksana dan berkarisma kepada raja Melaka (Jelani Harun, 2016: 12). Persamaan petikan



teks Sejarah Melayu dan hadis Rasulullah SAW ini membawa amanat yang penting untuk disampaikan dalam pemerintahan Kesultanan Melayu. Keberkesanannya menggariskan asas pemerintahan Islam yang nyata diilhamkan oleh masyarakat Melayu di peringkat pemerintahan dan pentadbiran.

Berdasarkan prinsip ketaatan kepada Allah, rasul-Nya dan pemimpin ini perlu ditutut bagi merealisasikan politik Islam yang bersifat universal khususnya di Alam Melayu. Kepengaruan prinsip ketaatan dalam pemerintah Kesultanan Melayu yang disampaikan melalui amanat ini jelas menunjukkan pengamalan dasar pemerintahan yang disyariatkan oleh Islam. Sumber al-Quran dan Hadis yang terdapat dalam Sejarah Melayu memperkuatkan lagi kedudukan politik Islam berteraskan prinsip ketaatan ini.

### **5.2 Amanat Membuat Keadilan**

Keadilan merupakan perkara yang dituntut dalam pemerintahan Islam. Keadilan ialah satu ideologi yang membawa kepada keamanan dan kesejahteraan kepada masyarakat yang diperintah. Keadilan berasal daripada kata adil yang mendapat imbuhan awalan ke- dan akhiran -an bermaksud istiqamah, seimbang, harmoni, lurus dan tegak. Merujuk kepada al-Quran kata adil berasal dari kata ‘adl’. Lafaz ini adalah masdar daripada perkataan ‘adala, jamaknya adalah ‘udul yang diistilahkan sebagai keadilan yang diredayai oleh hukum dan penyaksian; yang semisal dan yang sepadan (Zulkifli Haji Mohd Yusoff, 2011). Kata kerja ‘adalah (keadilan) juga diertikan: Pertama, meminda, meluruskan, atau mengubahsuai. Kedua, melarikan diri, memblok atau menyimpang dari satu haluan (yang salah) ke satu haluan lain (yang benar) (Majid Khadduri, 1994: 7). Keadilan juga diistilahkan sebagai al-mizan iaitu yang bermaksud keseimbangan (Nurcholish Madjid, 2012: 22). Perkataan al-mizan juga dapat dikaitkan dengan perkataan keadilan seperti yang terdapat dalam surah Al-Rahman, Allah berfirman:

٧ نَازِي ملّا عَضَوَ وَاهْعَفَرَ ءَامَسَلُ اُو

**Terjemahan:** Dan langit dijadikannya (bumbung) tinggi, serta Dia mengadakan undang-undang dan peraturan neraca keadilan (Surah ar-Rahman, 55: 7)

Keadilan mengikut neraca politik Islam adalah pemerintah harus berlaku adil tanpa mengira ras, agama, bangsa atau warna kulit dalam membuat pertimbangan sesuatu perkataan dan pekerjaan. Menurut Sidi Gazalba (1978: 152) keadilan dalam konteks ini juga ialah



mendudukkan sesuatu pada tempatnya, memberi hak dan tanggungjawab kepada mereka yang mempunyai kewajipan. Selaras dengan pendapat ini, adil itu memberi hak kepada manusia yang layak dan boleh memikul tanggungjawab yang diamanahkan.

Dalam naskhah Sejarah Melayu, amanat pemerintah tentang keadilan ini banyak dipaparkan dalam nasihat seorang raja kepada pengganti takhtanya. Hal ini menunjukkan bahawa prinsip keadilan adalah sesuatu yang penting untuk digambarkan dalam sejarah bangsa Melayu. Atas dasar ini, pengarang Sejarah Melayu, Tun Sri Lanang mencatatkan prinsip keadilan sebagai amanat yang perlu dipatuhi oleh setiap pewaris pemerintah Kesultanan Melayu. Daripada hasil penelitian terhadap tujuh amanat dalam Sejarah Melayu, hanya mendapat tiga sahaja yang menyatakan prinsip keadilan dalam pemerintahan kesultanan Melayu. Hal ini dapat dilihat dalam Jadual 3 tersebut:

**Jadual 3:** Amanat Keadilan Politik Melayu dalam naskhah Sejarah Melayu (A. Samad Ahmad, 1979).

Amanat	Petikan Teks	Halaman
Amanat 3	Adapun peninggalan aku ini, hei anakku, hendaklah engkau berbuat adil sangat-sangat...	160
Amanat 5	Jangan kamu sekaliannya melupai daripada berbuat kebaktian; kerana pada segala hukum, bahawa raja-raja yang adil itu dengan nabi sulla ‘llahu ‘alaihi wa salam, umpama dua buah permata sebentuk cincin; lagi pula raja itu umpama ganti Allah dalam dunia, kerana ia zillu’llah fil’alam...	178
Amanat 6	...sangat-sangat adil saksama pada barang hukum atas bala tenteramu. Jangan engkau dengar-dengaran sembah orang tiada dengan sebenarnya; sangat-sangat ampun periksamu akan mereka itu sekalian, akan ia bernaung kepada keadilan dan kemurahanmu; dan jangan engkau taksir daripada mentafahus dan memeriksai atas rakyatmu, supaya sentosa kerajaanmu.” Maka Sultan Muda pun terlalu sangat baginda menangis atas ribaan paduka ayahanda baginda.	272

Berdasarkan Jadual 3 di atas, jelas menggambarkan amanat dalam hal politik Islam amat dituntut dalam pemerintahan Kesultanan Melayu. Keperibadian seorang raja atau sultan Melayu disyaratkan perlu berlaku adil tanpa mengira pangkat dan darjah demi menuntut syiar Islam dalam pemerintahan mereka. Amanat 3, merupakan amanat Sultan Mansur Syah kepada anakandanya iaitu Raja Ahmad atau Raja Hussain (nama timangan) yang bergelar sebagai Sultan Alau’d-Din Riayat Syah apabila ditabalkan menjadi raja di Melaka. Ketika pemerintahan Sultan Mansur Syah merupakan zaman kegemilangan Islam dalam sejarah kesultanan Melayu



(Auni Haji Abdullah, 1991). Sultan Mansur Syah terserlah kewibawaannya ketika memimpin Melaka kerana baginda amat menitikkan beratkan soal keadilan dalam pemerintah. Hal ini, jelas digambarkan dalam Sejarah Melayu ketika peristiwa “Pembunuhan Sepak Raga” yang melibatkan anakanda, Raja Muhammad yang membunuh Tun Besar, anak Bendahara Paduka Raja. Lanjutan daripada peristiwa ini, menyebabkan Raja Muhammad diusir ke Pahang kerana rakyat Melaka tiada hendak bertuankan anak raja yang zalim. Sebab itu, Sultan Mansur Syah mengamanatkan hal berkaitan keadilan kepada bakal raja sebagai bimbingan dalam memerintah berlandaskan Islam.

Seterusnya, kedatangan Islam di Melaka membawa syiar keadilan ini sebagai satu petanda kehadiran agama Islam di Alam Melayu. Amanat ini bukan sahaja dibawa tetapi diajari dan dihayati oleh masyarakat Melayu Melaka pada waktu itu. Soal ini merupakan nilai Islam yang mulia yang perlu diamalkan oleh seorang raja Melayu (Zainal Abidin Abdul Wahid, 2008). Dalam Amanat 5, amanat keadilan dipaparkan bahawa seorang raja Melayu yang adil dengan Nabi SAW umpama “dua buah permata dalam sebentuk cincin”. Perumpamaan ini menyatakan seorang raja yang adil bertindak seiring dengan Nabi. Kerana, raja yang melaksanakan perintah Nabi sama dengan melaksanakan suruhan Allah (Auni Haji Abdullah, 1991). Amanat ini diperkuuhkan lagi seorang raja diibaratkan pengganti Allah dalam mengurus hal dunia kerana raja ituzillu’llah fil’alam (Bayangan Allah di bumi). Amanat ini berterusan dalam Sejarah Melayu kepada penekanan seorang raja perlu membuat “sangat-sangat adil” dalam pemerintah (Amanat 6).

Menerusi amanat pemerintah yang dikemukakan ini, jelas telah mempengaruhi sejarah dan perkembangan politik pemerintahan masyarakat Melayu. Amanat ini merupakan sumber penting bagi sejarah masyarakat Melayu dalam meletakkan konsep keadilan sebagai perkara objektif dalam kepimpinan raja-raja Melayu (Hassan Ahmad, 2005: 20). Bertepatan dengan Teori Politik Islam, menerusi prinsip keadilan sebagai hukum Allah dalam menetapkansistem pemerintah kesultanan Melayu. Pelaksanaan politik sepertiini dapat memelihara dan menjamin kepada kebenaran serta memastikan keadilan tertegak dalam sistem pentadbiran sesebuah negara Islam (Yazid Haji Maarof & Mohamad Kamil Ab. Majid, 2015: 23) seperti pemerintahan kesultanan Melayu.

### 5.3 Amanat Musyawarah (Muafakat)

Musyawarah dikenali sebagai mesyuarat atau perbincangan dalam membuat sesuatu keputusan. Musyawarah juga disebut sebagai syura dalam konteks agama Islam. Syura



(musyawarah) berasal dari kata sya-wa-ra atau syawir yang membawa maksud menasihati, petunjuk dan memberi isyarat (Nurcholish Madjid, 2012). Dari sudut bahasa, syura diertikan mengambil, meminta pendapat, melatih atau nasihat. Secara terminologi, syura atau musyawarah bermaksud membicarakan sesuatu perkara dalam kumpulan untuk meminta pendapat dan mengeluarkan keputusan yang disepakati (Hendra Meygautama, 2009: 116). Menurut Nurcholish Madjid (2012: 2136) musyawarah disifatkan suatu proses membuat dan mengambil keputusan dalam masyarakat untuk kepentingan bersama. Dapat dikatakan bahawa musyawarah (syura) ialah penetapan semua urusan berkaitan kemasyarakatan yang dilakukan untuk meminta pendapat dan persetujuan dengan semua pihak melalui pemilihan secara adil dan amanah. Allah SWT telah berfirman:

٣٨ وَقُنْيٰ مُهْرَّزَ امَّوْ مُهْبَّثَ إِرَوْشُ مُهْرُمَّأَ قُولَصَلَأَوْ مُهْبَرَلَ أُوبَا جَتَسَنَأَ نَيَذَلَأَوْ

**Terjemahan:** Dan juga (lebih baik dan lebih kekal bagi) orang-orang yang menyahut dan menyambut perintah Tuhan mereka serta mendirikan sembahyang dengan sempurna dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka dan mereka pula mendermakan sebahagian dari apa yang Kami beri kepadanya (Surah al-Syura, 42: 38)

Kepentingan prinsip musyawarah antara yang disedari oleh pengarang Sejarah Melayu untuk diterjemahkan melalui amanat raja kepada penggantinya sebagai nasihat dalam pemerintahan dan pentadbiran. Prinsip ini dengan sendirinya menolak amalan pemerintahan Hindu yang meletakkan raja sebagai kuasa pemutus (Auni Haji Abdullah, 1991: 11). Dalam Sejarah Melayu, istilah musyawarah digantikan dengan perkataan muafakat. Perkataan muafakat berasal dari kata Arab muwafaqah yang bermakna terjadinya persetujuan dalam sesuatu keputusan yang diambil melalui mesyuarat (musyawarah) (Nurcholish Madjid, 2012: 2136). Prinsipmusyawarah yang disentuh dalam Sejarah Melayu melalui amanat pemerintahan dapat dilihat seperti berikut (Jadual 4):



**Jadual 4:** Amanat Musyawarah (Muafakat) Politik Melayu dalam naskhah Sejarah Melayu (A. Samad Ahmad, 1979)

Amanat	Petikan Teks	Halaman
Amanat 1	...kedua anakku ini hendaklah muafakat, jangan kamu bersalahan dua bersaudara.”	56
Amanat 2	Hei anakku, cahaya mataku, dan buah hatiku! Hendaklah jangan engkau melalui sembah segala hambamu yang tua-tua. Pada barang sesuatu pekerjaan hendaklah engkau mesyuarat dengan segala menterimu...	62
Amanat 3	...dan hendaklah engkau muafakat dengan segala menteri dan segala orang besar-besarmu, kerana raja itu, jikalau bagaimana sekalipun bijaksana dan tahunya, jikalau tiada muafakat dengan segala pegawai, di mana akan dapat ia melakukan kebijaksananya itu? Dan tiada akan sentosa kerajaannya; kerana raja-raja itu umpama api, segala menteri itu umpamanya kayu; kerana api itu tiada akan nyala, jikalau tiada kayu; seperti kata Farsi, ‘Ar’ayatu juan bakhasta sultan khasad’...	160
Amanat 6	Setelah Sultan Mahmud Syah mendengar sembah Bendahara dan segala orang besar-besar itu, maka terlalulah sukacita baginda, seraya meraihkan leher paduka anakanda baginda, dipeluk dicium baginda, seraya bertitah, “Hei anakku, cahaya mataku, buah hatiku, engkau kerajaan, sangat sabarmu; dan barang suatu bicaramu jangan meninggalkan Bendahara dan sekalian menteri hulubalangmu...	272

Menerusi teks Sejarah Melayu, amanat pemerintahan ini diambil berdasarkan pengertian sama maksud dengan musyawarah iaitu melalui perkataan muafakat, mesyuarat dan bicara seperti contoh teks di atas. Amanat 1 dan 3, telah memperlihatkan istilah muafakat digunakan oleh pengarang sebagai tanda pemerintahan Islam dilaksanakan dalam sejarah pemerintahan Kesultanan Melayu. Amanat 1, merupakan Amanat dari Sultan Maliku's Salleh kepada pembesarnya iaitu pemerintah Semundra-Pasai yang terkenal di Alam Melayu merupakan empayar Melayu yang pertama memeluk Islam. Semundra-Pasai juga terkenal sebagai sebuah negara Islam-Melayu. Menurut Harun Mat Piah (2006: 348) dalam Hikayat Raja Pasai ada menyatakan selepas rajanya memeluk agama Islam, Semudera ditukar namanya menjadi Semudera Darussalam yang bermaksud Negara Semudera Yang Aman Damai. Seperti amanat pemerintahan dari Sultan Maliku's Salleh yang menyarankan kedua anaknya bermuafakat (musyawarah) dan bekerjasama di antara satu sama lain. Tetapi kedua-dua anak iaitu Sultan Maliku'l-Mansur (Semundra) dan Sultan Maliku't-Tahir (Pasai) telah melanggar amanat ini menyebabkan terjadinya episod pembunuhan. Ini menunjukkan, musyawarah penting menjadikan sandaran kepada pemerintah untuk mewujudkan persefahaman pendapat antara satu sama lain.



Dalam Amanat 3Sejarah Melayu, menggambarkan semangat musyawarah antara seorang raja dengan pembesar yang berperanan penting dalam membantu dan menasihati raja dalam hal pentadbiran negara. Ini dapat dilihat seorang raja umpama api dan pembesar diumpamakan sebagai kayu. Ini bermaksud tanpa melalui musyawarah dengan pembesar, seorang raja tidak berwibawa dan bertenaga dalam urusan pemerintahannya (Auni Haji Abdullah, 1991: 11). Amanat 2 dan 6 mempunyai persamaan dengan Amanat 3 yang membicarakan semangat musyawarah dan kerjasama di antara raja dengan pembesar serta rakyat yang diperintah.

Dengan huraian di atas, pemerintahan Kesultanan Melayu amat menekankan semangat musyawarah dan muafakat untuk dipupuk dibawah sistem pemerintahan Islam. Dalam politik Islam, musyawarah (syura) telah menjadi satu badan induk kepada pemimpin Islam untuk membicarakan dan meminta pendapat dalam urusan pemerintahan dan pentadbiran negara. Justeru, amanat pemerintahan dalam Sejarah Melayu adalah salah satu untuk merealisasikan politik Islam di Alam Melayu khususnya pemerintahan kepada pemimpin-pemimpin Islam-Melayu.

#### 5.0.4 Amanat Menjaga Hal Ehwal Masyarakat

Memelihara atau menjaga hal ehwal masyarakat perkara yang penting untuk diuruskan oleh pemimpin negara. Menjaga hal ehwal masyarakat dalam neraca politik Islam ialah tanggungjawab seorang pemimpin dalam menjaga keperluan, menyelesaikan penderitaan dan menghapuskan kemiskinan yang dihadapi oleh masyarakat (Yahaya Jusoh & Kamarul Azmi Jasmi (2006: 59). Yazid Haji Maarof & Mohamad Kamil Ab. Majid (2015: 23) menyatakan menjaga hal ehwal masyarakat penting kepada pemimpin dalam memelihara dan bebas daripada sebarang kezaliman terhadap hak asasi individu ataupun masyarakat. Pendapat ini nyata masyarakat memerlukan kebijakan yang perlu dipenuhi oleh ideologi seorang pemimpin dikalangan mereka untuk memenuhi keperluan dan matlamat sesebuah negara (Abu Al-'Ala Al-Mawdudi, 1994: 9).

Seterusnya, prinsip ini dilihat penting oleh masyarakat untuk diterjemahkan melalui citra dalam sejarah kebudayaan Melayu. Prinsip ini disampaikan dalam konsep pemerintahan raja-raja Melayu yang jelas digambarkan oleh Tun Sri Lanang dalam karya Sejarah Melayu melalui amanat seorang raja kepada bakal penggantinya untuk dimasyhurkan. Kedatangan Islam ke Alam Melayu memperkuatkan lagi kedudukan amanat ini melalui pemerintah tradisi masyarakat Melayu. Hal ini dirakamkan dalam teks Sejarah Melayu seperti Jadual 5:

Jadual 5: Amanat Hal Ehwal Rakyat Politik Melayu dalam naskhah Sejarah Melayu (A. Samad Ahmad,



Amanat	Petikan Teks	Halaman
	Hei anakku, jangan engkau berbanyak tamak akan harta orang...	
Amanat 1		56
Amanat 2	...dan jangan engkau segera menggerakkan hati hambamu, dan hendaklah engkau perbanyak sabarmu pada segala pekerjaan yang keji, jangan engkau peringankan ibadatmu akan Allah subha nahu wa taala; dan jangan engkau mengambil hak segala manusia dengan tiada sebenarnya. Maka Sultan Ahmad pun menangis mendengar wasiat ayahanda baginda itu.	62
Amanat 3	...dan jangan khali engkau keluar dihadap orang, kerana hamba Allah sekaliannya banyak berserah kepadamu; jika la kesukaran baginya, hendaklah segala yang kesakitan itu segera engkau tolong; jika la teraniaya ia, hendaklah engkau periksa ia baik-baik...	160
Amanat 4	Maka Sultan Alau'd-Din pun terlalu sukacita mendengar sembah segala mereka itu. Maka baginda memandang kepada muka anakanda baginda. Raja Mamad maka titah baginda, "Hei anakku, adapun engkau hendaklah banyak-banyak sabar, dan ampunmu akan segala hamba sahayamu, dan baik-baik memelihara akan dia; kerana firman Allah Taala Inna'llahu ma'as sabirin, yakni bahawa Allah Taala serta pada segala yang sabar..."	174

Peranan Islam di Alam Melayu cukup terbukti dengan pelaksanaannya diperingkat pemerintahan dan politik. Peranan ini jelas dalam prinsip menjaga hal-ehwal rakyat yang terdapat dalam Sejarah Melayu (Jadual 5) melalui amanat seorang raja. Amanat 1 dan 2, menjelaskan kepada pemimpin bahawa mengambil hak rakyat merupakan satu perkara yang dilarang oleh Islam. Hak rakyat perlu dipenuhi oleh pemimpin selagi rakyat memenuhi tuntutan yang disyariatkan Islam kepada pemerintah. Menurut Yahaya Jusoh (2014) hak masyarakat yang disyaratkan oleh Islam ialah hak kebebasan, hak keamanan, hak kebijakan, hak keadilan dan hak persamaan. Dalam Amanat 3, seorang raja atau pemimpin perlu mengambil tahu hal akan masyarakatnya di luar istana. Seorang raja juga perlu mendengar segala permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat untuk memastikan hak rakyat dipenuhi disamping memenuhi konsep kemakmuran dan kesejahteraan hidup bermasyarakat. Penyataan ini jelas diungkap dalam Sejarah Melayu:

...dan jangan khali engkau keluar dihadap orang, kerana hamba Allah sekaliannya banyak berserah kepadamu (A. Samad Ahmad, 1979: 160)

Amanat 4, amanat ini diberikan oleh Sultan Alau'd-Din Riayat Syah kepada puteranya, Raja Mamad. Sultan Alau'd-Din Riayat terkenal dengan sifatnya yang adil dan berani serta mengambil perhatian tentang kebajikan masyarakat. Petikan teks “adapun engkau hendaklah banyak-banyak sabar, dan ampunmu akan segala hamba sahayamu, dan baik-baik memelihara akan dia” ialah menunjukkan amanat yang ditinggalkan berkaitan dengan hal ehwal masyarakat. Pemimpin perlu memelihara masyarakat sebagai balasan kesetiaan mereka kepada pihak pemerintahan dan negara. Keprihatinan seorang raja dalam melaksanakan tanggungjawab perlulah adil dan telus tanpa mengira darjat dan keturunan seperti yang dituntut dalam pemerintahan Islam.

Berdasarkan pandangan ini, jelaslah amanat pemerintahan melalui prinsip menjaga hal ehwal masyarakat telah menjadi pensejarahan kepada masyarakat Melayu. Proses Islamisasi di Alam Melayu, memaknakan lagi prinsip ini diperingkat pemerintahan Kesultanan Melayu yang berlandaskan syariat kehidupan Islam. Prinsip ini mewajibkan umat Islam perlu mempunyai negara sebagai kaedah penyatuan, pemajukan dan menjaga masyarakat seperti yang dinyatakan dalam politik Islam (Ramli Awang, 2012: 49). Pendekatan ini telah digunakan oleh pengarang Sejarah Melayu untuk disampaikan melalui amanat berkaitan pemerintahan di Alam Melayu.

## 5.5 Amanat Tentang Melaksanakan Amanah

Amanah ialah setiap perkara yang dianggap dapat dipercayai ke atasnya seperti harta dan rahsia-rahsia. Lafaz ini berasal daripada perkataan amina dan amanatan yang bermakna jujur dan dapat dipercayai (Dusuki Haji Ahmad, 2012: 83). Menurut Zulkifli Haji Mohd Yusoff (2011: 48) amanah di dalam al-Quran mencakupi dua perkara iaitu pertama, amanah dalam harta atau rahsia; dan kedua, amanah dalam mentaati segala yang diperintah dan menghindarkan segala larangan Allah atau segala perkara yang diamanahkan oleh Allah kepada manusia. Amanah dalam istilah terminologi politik Islam diertikan tanggungjawab pemerintah untuk membangunkan manusia dan mentadbir negara mengikut syariat yang telah ditetapkan Allah SWT (Yazid Haji Maarof & Mohammad Kamil Ab. Majid, 2015: 6). Menurut Yahaya Jusoh (2014:121) pula amanah dalam istilah pemerintah ialah tanggungjawab seorang pemimpin menjalankan amanah Allah dan amanah rakyat dalam sesebuah negara Islam, sama ada pemimpin tersebut seorang khalifah Allah atau sebagai ketua negara, menteri, kabilah dan wakil rakyat. Allah SWT telah berfirman:



۵۸ اَرْيِصَبَ اَعْجِسَنَ اَكَ مَلَلَنَ اَنِ مُكْطَعِي  
اَمَّعِنَ مَلَلَنَ اَنِ لَدَعَنَ اَبَ اُمْكَحَتَنَ اَسِ اَنَلَنَ اَنِ تِنَمَلَنَ اَوْدَوَتَنَ اَمَّلَرُمَأَيَ مَلَلَنَ اَنِ

**Terjemahan:** Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis Amanah kepada ahlinya (yang berhak menerima), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhannya) itu memberi pengajaran yang baik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat (Surah al-Nisa', 4:58)

Antara kedatangan Islam di Alam Melayu ialah membawa prinsip amanah dalam pemerintahan Kesultanan Melayu. Dalam surah al-Nisa' ayat 58, Allah telah berfirman tentang kepentingan amanah ini dalam menjalankan hukum yang adil dalam menghukum manusia dan bertanggungjawab dalam menunaikan perintah Allah. Penyampaian amanah ini, telah ditulis dalam Sejarah Melayu sebagai satu naungan syiar Islam melalui pemerintahan. Nukilan prinsip ini telah diilhamkan dalam amanat seorang raja kepada puteranya iaitu pengganti generasi kerajaan seterusnya. Nukilan amanat ini seperti (Jadual 6):

**Jadual 6:** Amanat Melaksanakan Amanah Politik Melayu dalam naskhah Sejarah Melayu (A. Samad Ahmad, 1979).

Amanat	Petikan Teks	Halaman
Amanat 2	...dan jangan engkau mengambil hak segala manusia dengan tiada sebenarnya. Maka Sultan Ahmad pun menangis mendengar wasiat ayahanda baginda itu.	62
Amanat 3	dan jangan engkau mengambil hak orang tiada sebenarnya. Makan haqu'l-adam terlalu besar dosanya, tiada diampuni Allah subhanahu wa taala; melainkan dengan izin yang empunya hak juga; dan jangan khali engkau keluar dihadap orang, kerana hamba Allah sekaliannya banyak berserah kepadamu; jika lau kesukaran baginya, hendaklah segala yang kesakitan itu segera engkau tolong; jika lau teraniaya ia, hendaklah engkau periksa ia baik-baik, supaya di akhirat jangan diberatkan Allah atasmu, kerana sabda nabi, salla 'llahu 'ilaihi wa salam: Kullukum ra 'in wa kullukum mas'ulun 'an ra'iyyatihi, yakni segala kamu yang menggembala dunia lagi akan ditanyai daripada kebelaan kamu; ertinya segala raja-raja di akhirat lagi akan ditanyai Allah subhanahu wa taala daripada segala rakyat. Sebab demikianlah, maka sebaiknya lah engkau berbuat adil dan saksama, supaya di sana jemah diringankan Allah Taala kira-kiramu	160



Terdapat dua sahaja amanah yang jelas diamanatkan daripada seorang raja Melayu kepada pewaris takhta Melayu yang seterusnya. Amanat 2, seorang raja Melayu diingatkan supaya tidak mengambil hak masyarakat yang tidak sepatutnya diambil oleh pemimpin. Mesej ini antara sangat perlu difahami oleh pemimpin untuk bersikap adil dan bertanggungjawab dalam melaksanakan amanah Allah dan Rasul supaya tidak terkeluar daripada ajaran Islam. Pemimpin haruslah tulus, adil dan amanah apabila membuat sesuatu hukum iaitu keputusan dibuat haruslah mempunyai kepentingan bersama dan kesannya terhadap hukum yang dilaksanakan. Prinsip amanah adalah sikap yang perlu ada dalam kepemimpinan seorang raja Melayu demi menyahut seruan Islam yang berpaksikan mentauhidkan Allah dan Rasul-Nya. Prinsip ini berfungsi meletakkan manusia yang beriman dan bertakwa kepada Allah dari segenap tatacara kehidupan (Yahaya Jusoh, 2014: 122).

Dalam Amanat 3, pemerintahan Kesultanan Melayu diperkuuhkan lagi kedudukannya sebagai pemimpin Islam oleh pengarang Sejarah Melayu dengan sebuah potongan hadis yang diamanatkan oleh seorang raja Melayu:

...sabda nabi, salla 'llahu 'ilaihi wa salam: Kullukum ra'in wa kullukum mas'ulun  
'an ra'iyyatihi, yakni segala kamu yang menggembala dunia lagi akan ditanyai  
daripada kebelaan kamu...(A. Samad Ahmad, 1979: 160)

Memetik hadis "Kullukum ra'in wa kullukum mas'ulun 'an ra'iyyatihi" yang bermaksud "setiap daripada kamu ialah pemimpin dan setiap daripada kamu akan dipertanggungjawabkan atas apa kamu pimpin". Dalam Sejarah Melayu, hadis ini diterjemahkan perumpamaan "yakni segala kamu yang menggembala dunia lagi akan ditanyai daripada kebelaan kamu". Menurut Abdur Rahman Mohamed Amin (2015: 55) dari segi kekuatan hadis ini ialah sahih kerana menepati keseluruhan syarat hadis sahih. Auni Haji Abdullah (1991:12) memetik gambaran ini selari dengan kedudukan insan di sisi ajaran Islam iaitu baik raja ataupun pemerintah adalah sebagai "Khalifah" yang bermaksud wakil Allah di muka bumi dan mereka semua dipertanggungjawabkan oleh Allah mengikut pangkat dan keupayaan masing-masing. Kedudukan raja selaku zillullah fil'alam telah diperkuuhkan lagi selaku "penggembala" iaitu merupakan idealisme dalam pemerintahan Melayu yang sering muncul dalam naskhah ketatanegaraan, seperti terungkap dalam Taj al-Salatin dan Bustan al-Salatin (Jelani Harun, 2016).

Konteks pembicaraan ini, jelas membawa satu ideologi kepada pemerintahan Kesultanan Melayu untuk berperanan sebagai pemimpin Islam. Prinsip amanah melalui amanat ini adalah petikan nasihat dan mesej yang ingin disampaikan oleh pemerintah terdahulu kepada generasi seterusnya untuk tidak melanggar perjanjian dengan Allah dan Rasul terhadap amanah dan



tanggungjawab yang diberikan. Justeru, amanat yang disampaikan ini bertepatan dengan politik Islam yang menyatakan sikap amanah seorang pemerintahan adalah khalifah untuk memimpin dan melaksanakan hukum serta menyelesaikan segala permasalahan (Yahaya Jusoh, 2014).

## 5.6 Amanat Imbalan Hawa Nafsu

Hawa nafsu adalah sifat atau unsur rohani yang berada dalam diri manusia. Hawa nafsu diambil berdasarkan perspektif prinsip kehidupan Islam kerana nafsu berkaitan kepemimpinan manusia untuk bertindak. Pengertian hawa ialah sangat cinta atau berkehendak iaitu berkeinginan kepada perkara yang haram (Adil Akhyar, 2013: 71). Nafsu pula berasal dari kata nafs yang bererti jiwa. Nafsin bererti memiliki jiwa dan Nafas pula bermaksud sesuatu yang menunjukkan kepada jiwa. Hawa nafsu dalam makna ini ialah seseorang atau sesuatu yang memiliki jiwa (Adil Akhyar, 2013: 1). Hawa nafsu diertikan pengaruh kerana ia dapat mempengaruhi tindakan dan sikap manusia dalam kehidupan seharian sama ada diarahkan kepada kebaikan atau keburukan (Dusuki Haji Ahmad, 2012: 631). Imam al-Ghazali (1979: 3) berpendapat, Nafsu (al-Nafsu) mempunyai dua makna; pertama iaitu nafsu merupakan tempat kekuatan sifat amarah atau tercela pada manusia; dan kedua, nafsu adalah peribadi dan zat manusia, ia bermaksud nafsu yang mempunyai sifat yang pelbagai dan sesuai dengan keadaannya (kebaikan atau keburukan). Islam amat menegaskan hawa nafsu ialah musuh manusia yang ada dalam diri. Hal ini telah difirmankan oleh Allah SWT:

... عَوْسِلَ أَبْرَأَمَّا سَقْنَلَأْ نِإِ...<sup>٥٣</sup>

**Terjemahan:** ...Sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahatan... (Surah Yusuf, 12:53)

Ayat ini jelas menunjukkan nafsu membuatkan manusia hilang bertimbangan ke arah kejahatan daripada kebaikan (Adil Akhyar, 2013: 5). Dalam naskhah Sejarah Melayu, keadaan ini jelas digambarkan dalam amanat seorang raja. Seorang raja menasihati kepada pemerintah yang lain supaya tidak berkehendak hawa nafsu kerana ia dapat membuatkan manusia hilang pertimbangan melakukan perkara dilarang oleh Allah. Hal ini bersesuaian amanat pemerintahan yang terdapat dalam Sejarah Melayu (Jadual 7).



**Jadual 7:** Amanat Imbangan Hawa Nafsu Politik Melayu dalam naskhah Sejarah Melayu (A. Samad Ahmad, 1979)

Amanat	Petikan Teks	Halaman
Amanat 1	...jangan kamu inginkan isteri hamba kamu...	56
Amanat 2	...dan hendaklah engkau perbanyak sabarmu pada segala pekerjaan yang keji...	62
Amanat 5	Hendaklah tuanku jangan dengar-dengaran akan sembah orang yang tiada sebenarnya; jika tuanku dengar-dengaran akan kata orang yang fitnah, akibat tuanku menyesal kelak. Bahawa yang kehendak nafsu itu daripada waswas syaitan ‘ilahu’l-la’anat. Banyak raja-raja yang besar-besarkan dibinasakan Allah kerajaannya, sebab menurutkan hawa nafsu syaitan.”	179
Amanat 6	...sangat-sangat adil saksama pada barang hukum atas bala tenteramu. Jangan engkau dengar-dengaran sembah orang tiada dengan sebenarnya; sangat-sangat ampun periksamu akan mereka itu sekalian, akan ia bernaung kepada keadilan dan kemurahanmu; dan jangan engkau taksir daripada mentafahus dan memeriksai atas rakyatmu, supaya sentosa kerajaanmu.” Maka Sultan Muda pun terlalu sangat baginda menangis atas ribaan paduka ayahanda baginda.	272

Hawa nafsu ini sudah izhar melalui prinsip pemerintahan Islam dalam Sejarah Melayu. Amanat 1 dan 2, menyatakan bahawa pemimpin tidak boleh berkehendak hak rakyat seperti yang diperjelaskan di dalam teks Sejarah Melayu. Seorang pemimpin atau raja tidak harus mengikut hawa nafsu yang melampaui batas untuk dipenuhi oleh masyarakat. Kedatangan Islam dengan jelas supaya manusia berhati-hati dengan hawa nafsu seperti disaran oleh Allah dalam surah Yusuf ayat 53. Kerana hawa nafsu lebih bersifat kehendak perkara yang dilarang oleh Allah dan Rasul. Dalam Amanat 5, nyata Sejarah Melayu menunjukkan hawa nafsu ialah perasaan daripada sifat syaitan. Nasihat yang hendak disampaikan ialah seorang pemimpin tidak harus mempunyai sifat rohani ini kerana mampu membinasakan masyarakat dan negara. Ideologi pemimpin penting untuk membawa negara kepada jalan lurus dan kemajuan. Dengan mengawal hawa nafsu, psikologi pemimpin berupaya mengawal untuk pertimbangan yang lebih rasional. Keadaan ini telah diamanatkan dalam Amanat 6 “sangat-sangat ampun periksamu akan mereka itu sekalian”.

Islam ialah agama yang saling melengkapi dalam kehidupan untuk mendapat keberkatan di dunia dan akhirat. Peranan Islam telah datang menyatakan hawa nafsu ialah sifat yang berada dalam diri manusia yang bertindak mengikut kehendak dan keadaan yang diingini untuk ke



arah kebaikan atau di sebaliknya. Penekanan prinsip ini dalam amanat telah membuktikan pemimpin dalam tradisi pemerintahan kesultanan Melayu tidak meringankan sifat hawa nafsu untuk menguasai raja-raja Melayu. Pegangan yang kuat terhadap prinsip kehidupan, menjadikan hawa nafsu menjadi amanah untuk disampaikan yang bertepatan dengan asas-asas pemerintahan yang dilaksanakan oleh Islam.

### 5.7 Amanat Menegakkan Kebaikan dan Mencegah Kemungkaran

Terdapat amanat berprinsipkan pemerintahan Islam yang hendak disampaikan iaitu menyuruh melakukan kebaikan dan mencegah dari kejahatan. Dalam Islam, prinsip ini disebutamar Makruf wa nahi Mungkar. Amar dari segi bahasa bermaksud perintah atau galakan manakala Maaruf pula diertikan sebagai kebajikan atau kebaikan. Nahi diertikan mencegah atau menyekat dan mungkar pula ialah kejahatan dan keburukan (Mustafa Haji Daud, 1995: 128). Menegakkan kebaikan dan mencegah kemungkaran perlu seiring dijalankan kerana ia perlu dilakukan dengan amalan perbuatan. Islam memandang penting terhadap amalan ini kerana melakukan kebaikan adalah manusia yang beriman dan bertakwa seperti Allah telah berfirman di dalam al-Quran:

مُهَكِّلُوْأَوْ رَكِنْمَلَّا نِعْ نَوْمَنِيَوْ فِيْرُعْمَلَّا بَيْ نَوْرُمَأَيَوْ رِيْخَلَّا إِلَّا نَوْعَذِيَ قَمَّ مَكْنُنْمَ نَكْتَلَّوْ  
١٠٤ نَوْخَلَفَشَمَلَّا

**Terjemahan:** Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji) dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya (Surah al-Imran, 3: 104)

Imam Al-Ghazali (1980: 454) menyatakan ayat di atas, menerangkan kewajipan mengerjakan amar adalah fardu kifayah kerana Allah SWT membatasi dengan firman “mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya”. Seseorang individu atau secara berkumpulan yang melakukannya dapat mengelakkan dari umat Islam yang lain mendapat dosa kerana Allah berfirman “hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam)”. Umat yang melakukannya tergolong dalam kalangan umat yang “orang-orang yang berjaya”.

Dalam sejarah kesultanan di Alam Melayu terdapat tanda-tanda usaha untuk menegakkan hukum-hukum Islam dalam amalan politik oleh para raja Melayu. Prinsip Islam amar makruf wa



nahi mungkar antara yang ditegakkan dalam prinsip politik Melayu. Pelaksanaannya tidak dapat dipertikaikan bahawa institusi raja Melayu merupakan penggerak utama dalam penyebarannya. Hal ini jelas ditonjolkan melalui amanat dalam Sejarah Melayu (Jadual 8):

**Jadual 8:** Amanat Menegakkan Kebaikan dan Mencegah Kemungkar Politik Melayu dalam naskhab Sejarah Melayu (A. Samad Ahmad, 1979).

Amanat	Petikan Teks	Halaman
Amanat 3	...jangan khali engkau keluar dihadap orang, kerana hamba Allah sekaliannya banyak berserah kepadamu; jika lau kesukaran baginya, hendaklah segala yang kesakitan itu segera engkau tolong; jika lau teraniaya ia, hendaklah engkau periksa ia baik-baik, supaya di akhirat jangan diberatkan Allah atasmu...	160
Amanat 4	Dan segala anak Melayu bagaimanapun besar dosanya, jangan olehmu diaifi dia, dan sampai kepada hukum syarak dosanya derhaka, bunuhlah; kerana segala Melayu itu ketanahanmu, seperti kata Arab Al-'abdi tinu'l-maulahu, yang hamba itu tanah tuhannya. Jikalau engkau bunuh ia tiada dengan dosanya, bahawa kerajaanmu binasa. Hei anakkku, hendaklah engkau turut dan engkau ingatkan wasiatku ini, dan kerjakan, supaya berkat diberi Allah subha nahu wa taala."...	174

Sejarah Melayu mencatatkan lebih banyak tentang amar Makruf wa nahi Mungkar yang dilaksanakan dalam pemerintahan. Namun, dua amanat dalam contoh teks atas sudah cukup membuktikan pelaksanaannya diperingkat institusi raja. Amanat 3, menyampaikan seorang raja perlu mengerjakan perkara yang makruf iaitu melalui kebaikan dan menjalankan keadilan terhadap rakyat untuk membela nasib mereka terutama yang ditindas. Ditegaskan pula dalam Sejarah Melayu, perbuatan makruf ini akan dipersoalkan oleh Allah kepada setiap pemimpin atas apa mereka lakukan ketika menjalankan amanah pemerintahan. Amanat ini sama yang difirmankan oleh Allah dalam Surah al-Imran ayat 104 di atas. Dalam Amanat 4, "bagaimanapun besar dosanya, jangan olehmu diaifi dia" memaknakan lagi prinsip ini dalam pemerintahan Melayu. Perkara yang diamanatkan pemimpin haruslah bertindak seiring dengan kehendak makruf iaitu sentiasa melakukan kebaikan ke atas rakyat dan menghukum perbuatan dengan berlandaskan dibenarkan oleh syariat Islam. Mencegah kejahatan seperti menghina dan menzalimi masyarakat yang daif perlulah dielakkan oleh pemimpin kerana perbuatan tersebut bercanggah dengan prinsip Islam. Prinsip amar Makruf wa nahi Mungkar perlu menjadi sandaran kepada raja-raja Melayu sebagai satu ideologi pemimpin untuk dilaksanakan dalam pentadbiran mereka.

Justeru, prinsip amar Makruf wa nahi Mungkar telah menjadi asas kepada pemerintahan Kesultanan Melayu. Dengan terlaksananya prinsip ini, masyarakat Melayu telah melaksanakan peraturan seperti diperuntukkan oleh politik Islam. Jelaslah, kedudukan prinsip Islam dalam



masyarakat Melayu menentukan kejayaan Islam dalam proses Islamisasi dalam prinsip pemerintahan Kesultanan Melayu. Pengertian amar Makruf wa nahi Mungkar telah menjadikan inspirasi kepada raja-raja (Amanat 1 dan 2) untuk diilhamkan dalam Sejarah Melayu melalui amanat sebagai peringatan dan nasihat kepada pemimpin raja yang lain. Kejayaan meletakan asas ini dalam naskhah Sejarah Melayu telah memelihara kesinambungan dengan tradisi pemerintahan Islam

## 6.0 Kesimpulan

Berdasarkan kepada kajian, amanat dan pengaruh bahasa politik Islam yang disampaikan dalam Sejarah Melayu mempunyai unsur nasihat dan pesanan dari segi pemerintahan dan pentadbiran negara. Amanat ini merangkumi sifat dan pendekatan seorang raja untuk melaksanakan setiap pesanan yang disampaikan. Dalam amanat tersebut terdapat ayat al-Quran dan Hadis untuk mengabsahkan lagi kedudukan raja Melayu sebagai pemimpin Islam. Kedatangan Islam telah menyesuaikan prinsip-prinsip dasar dengan kebudayaan yang sebelumnya. Politik Islam bersumberkan hukum Allah dan melaksanakan perintahkan rasul dapat dihayati dalam amanat ini. Setelah diamati, jelas menunjukkan pemerintah Melayu dengan Islam saling berkaitan walaupun dari segi kebudayaan tidak dapat dipadamkan sepenuhnya. Walau bagaimanapun, prinsip asas yang dibawa oleh Islam seperti ketiaatan kepada Allah, Rasul dan Pemimpin telah mendasari politik Melayu. Selain itu, prinsip asas amanah, keadilan, musyawarah, kebijakan rakyat, menegakkan kebaikan dan mencegah serta sifat hawa nafsu (kehidupan Islam) merupakan pengikat kepada dasar tersebut. Inilah antara prinsip yang ditekankan dalam politik Islam yang sememangnya telah mendasari institusi raja-raja Melayu yang cukup hebat untuk diperkatakan dalam sejarah di Alam Melayu. Manakala, pengaruh bahasa politik Islam telah memperkuatkan lagi gambaran dan ekologi setiap prinsip pemerintahan yang jelas dilaksanakan di Alam Melayu terutama dalam kerajaan Kesultanan Melayu Melaka. Justeru, amanat ini diharapkan menjadi satu inspirasi kepada pemerintah dalam mengaplikasikan Islam di dalam pemerintahan dan pentadbiran masyarakat Melayu khususnya di Malaysia.



## **7.0 BIBLIOGRAFI**

Al-Quran Karim.

A. Samad Ahmad. 1979. Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdur Rahman Mohamed Amin. 2015. Sabda Nabi Muhammad SAW Dalam Sulalat us-Salatin. Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu 8 (1): 45-62.

Abu Al-'Ala Al-Mawdudiy. 1994. Pandangan Islam Tentang Politik. Kuala Lumpur: Penerbitan Al-Kautsar Sdn. Bhd.

Adil Akhyar. 2013. 7 Peringkat Nafsu. Johor Bahru: Pustaka Azhar

Auni Haji Abdullah. 1991. Islam Dalam Sejarah Politik Dan Pemerintahan Di Alam Melayu. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Bharuddin Che Pa. 2012. Institusi Raja dan Peranannya Terhadap Penyebaran Islam di Nusantara". Dalam Membongkar Rahsia Pendidikan Islam, hlm. 690-698. Seri Begawan, Brunei: Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan.

Budhy Munawar-Rachman (pngr.). 2012. Ensiklopedi Nurcholish Madjid. Jil. 1, 2, 3 & 4. Jakarta: Democracy Project Yayasan Abad Demokrasi.

Dusuki Haji Ahmad. 2012. Kamus Pengetahuan Islam. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd

Haron Daud. 1989. Sejarah Melayu Satu Kajian Daripada Aspek Pensejarahan Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Harun Mat Piah, Siti Hawa Salleh, Abdul Rahman Kaeh, Ismail Hamid, Abu Hassan Sham & Jamilah Haji Ahmad. 2006. Kesusastraan Melayu Tradisional. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hassan Ahmad. 2005. Pengenalan Konsep dan Gagasan Karya Agung Yayasan Karyawan. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.

Hendra Meygautama. 2009. Legislasi Hukum Islam Melalui Mekanisme Syura. Jurnal Pemikiran dan Peradaban Islam: Islamia 5(2): 110-123.

Idris Zakaria. 2014. Persetiaan Raja, Kerajaan dan Rakyat Daripada Perspektif Islam. Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Peradaban Melayu: Rakyat, Raja dan Kerajaan. Anjuran Lembaga



Peradaban Melayu. Kuala Lumpur, 19-20 November.

- Imam Al-Ghazali. 1980. Ihya Ulumiddin: Jiwa Agama. Jil. 3. Indonesia: Pencetakan Menara Kudus.
- Jelani Harun. 2016. Pemerintahan dan Politik Dalam Naskhah Melayu. Kertas Kerja Wacana Naskhah Kesultanan Melayu: Pemerintahan dan Politik. Anjuran Bahagian Penyelidikan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur, 27 Oktober.
- Majid Khadduri. 1994. Konsep Keadilan Dalam Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Mohamed. 2011. Karya Agung Melayu. [https://karyaagung\\_melayu14.blogspot.my/2014/11/artikel-2.html?m=1](https://karyaagung_melayu14.blogspot.my/2014/11/artikel-2.html?m=1). Diambil 23 Januari 2017.
- Ramli Awang. 2012. Islam: Pemikiran Kenegaraan dan Pemerintahan. Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Sidi Gazalba. 1978. Asas Kebudayaan Islam. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. 1972. Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tatiana Denisova. 2015. Orang Melayu dan Tamadun Melayu dalam Historiografi Melayu Islam (kurun ke-13 sehingga ke-19). Dlm. Mahsun, Arndt Graf, al-Azhar & Tatiana Denisova. Siri Ceramah Arif Budiman, hlm. 126-182. Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura.
- Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali. 2014. Hubungan Raja Dengan Rakyat: Suatu Telaah Terhadap Taj al-Salatin Dari Perspektif Pemikiran Islam. Prosiding Seminar Antarabangsa Peradaban Melayu: Rakyat, Raja dan Kerajaan. Anjuran Lembaga Peradaban Melayu, Yayasan Karyawan dan Institut Diplomasi dan Perhubungan Luar Negeri. Kuala Lumpur, 19-20 November.
- Yahaya Jusoh. 2014. Sejarah Falsafah Politik dalam Islam. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Yahaya Jusoh & Kamarul Azmi Jasmi. 2006. Pendidikan Politik dan Khilafah Islam dalam Pelbagai Perspektif. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Yazid Haji Maarof & Mohammad Kamil Ab. Majid. 2015. Pembelajaran Islam Amali: Panduan Fiqh Muamalat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Abdul Wahid. 2008. Kesultanan Melayu Melaka: Pentadbiran Kuno atau Moden?. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.
- Zarina Muhammad. 2015. Peri Penting Karya Intelektual dalam Pengajian Ketamadunan Melayu: Sorotan

- Ringkas Terhadap Kepengarangan Raja Ahli Haji. *The Journal of Muslim Affair* 1 (1): 180-192.
- Zulkifli Haji Mohd Yusoff. 2011. *Kamus al-Quran: Rujukan Lengkap Kosa Kata Dalam al-Quran*. Batu Caves: PTS Islamika Sdn. Bhd.

